

Sektor tani diangggar rugi RM70 juta

BH

31/1

MARANG: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menganggarkan pelbagai sektor pertanian yang terbabit dalam bencana banjir baru-baru ini kerugian hampir RM70 juta.

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata jumlah taksiran itu, bagaimanapun belum ditaksirkan sepenuhnya kerana masih ada beberapa kawasan terutama di Johor yang masih ditenggelami air.

"Perkara itu dibentang semalam di depan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam (kelmarin).

"Jumlah itu membabitkan taksiran kerugian sektor tanaman, ternakan, ternakan air, industri asas tani serta perusahaan kecil, tidak termasuk prasarana dan infrastruktur yang rosak," katanya selepas mengadakan lawatan kerja Projek Bumi Hijau di Kampung Medan Jaya, di sini semalam.

Ketika diminta memperincikan bantuan yang diterima untuk sektor pertanian, Muhyiddin berkata, bantuan bagi sektor pertanian yang mengalami kerugian akan diperhalusi lagi oleh Timbalan Perdana Menteri. Bagaimanapun, jumlah awal yang diluluskan kelmarin sebanyak RM7.4 juta.

Akhbar kelmarin melaporkan kerajaan menanggung kerugian RM1.5 bilion akibat dua gelombang banjir terutama di Johor sejak pertengahan bulan lalu.

Timbalan Perdana Menteri dilaporkan berkata, jenis dan kadar bantuan ihsan bagi sektor pertanian terjejas akibat banjir iaitu RM573 sehektar bagi penanaman padi dan RM700 bagi setiap lembu pada kadar maksimum 10 ekor.

FAKTA NOMBOR

Bantuan sektor tani

RM573

Bagi setiap hektar tanaman padi

RM700

Bagi seekor lembu